IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PERAK
Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya
30020 Ipoh
PERAK DARUL RIDZUAN

605-529 7444
http://www.bomba.gov.my
pengarahprk@bomba.gov.my

Ruj. Kami : JBPM/PK/KOR: 100-6/1/1 (20)
Tarikh : 17 Mei 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

EDARAN MINIT MESYUARAT PENGURUSAN BIL BIL 4/2023 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PERAK

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Minit Mesyuarat Pengurusan Bil 4/2023 untuk makluman dan tindakan selanjutnya oleh pihak tuan. Tuan dikehendaki untuk menyemak dan melaksanakan tindakan yang telah diputuskan dalam mesyuarat tersebut.

3. Tarikh mesyuarat pengurusan yang berikut akan dimaklumkan kemudian.

Kerjasama dan perhatian pihak tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(PKPjB SAYANI BINTI HAJI SAIDON, PMP., AMK.)
Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Perak

SENARAI EDARAN

1. Timbalan Pengarah, JBPM Negeri Perak
2. Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat
3. Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran
4. Penolong Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran
5. Penolong Pengarah Bahagian Latihan
6. Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan
7. Penolong Pengarah Bahagian Kejuruteraan Jentera
8. Ketua Zon 1
9. Ketua Zon 2
10. Ketua Zon 3
11. Ketua Zon 4
12. Pegawai Pembangunan
13. Pegawai Teknologi Maklumat
14. Penolong Akauntan
15. Pegawai Perhubungan Awam

MINIT MESYUARAT PENGURUSAN
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PERAK BIL. 4/2023

Tarikh: **28 November 2023 (Selasa)**
Masa: **9.00 pagi**
Tempat: **Bilik Mesyuarat Dato Maharajalela, Aras 1 Ibu Pejabat JBPM Negeri Perak**

KEHADIRAN:

1.	YS PKPjB Sayani binti Haji Saidon	- Pengarah (Tuan Pengerusi)
2.	PgKB I Sabarodzi bin Hj. Nor Ahmad	- PP Bhg. Operasi Kebombaan
3.	PgKB I Ramli bin Saari	- PP Bhg. Penyiasatan Kebakaran
4.	PgKB II Mohd Firdaus bin Daud	- PP Bhg. Latihan
5.	En. Wan Mohd Asyraf bin Wan Mohd Azam	- PP Bhg. Kejuruteraan Jentera
6.	PgKB II Mohd Esmadi bin Mohd Saufi	- Wakil PP Bhg Keselamatan Kebakaran
7.	PgKB I Nor Rasidamayati binti Abd Rasid	- Ketua Zon 1 Perak
8.	PgKB II Muhamad Shahrizal bin Aris	- Ketua Zon 2 Perak
9.	PgKB II Shazlean bin Mohd Hanafiah	- Ketua Zon 3 Perak
10.	PgKB II Khairil Adli bin Zakaria	- Ketua Zon 4 Perak
11.	Puan Guna Sundari A/P Mugaya	- Penolong Akauntan
12.	PPgB Marazman bin Mohamad	- Pegawai Pembangunan
13.	Puan Nor Azliza binti Osman	- Pegawai Bhg. Pengurusan
14.	Puan Sharina binti Mohd Shapiee	- Pegawai Bhg. Pengurusan
15.	Cik Rafidah binti Mohamed Daud	- Pegawai ICT

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1.	PPjB Jamri bin Masran	- Timbalan Pengarah

URUS SETIA:

1.	PKPgB Mohd Fadli bin Nik Abu	- Pegawai Perhubungan Awam
2.	PB Muhammad Azim Syahmi bin Mohd Saharom	- Unit Perhubungan Awam

BIL	PERKARA
1	**Ucapan Alu-aluan Pengerusi**
1.1	YS Tuan Pengerusi memulakan mesyuarat dengan bacaan umul Kitab Al-Fatihah serta mengucapkan salam kepada semua ahli mesyuarat serta terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir ke Mesyuarat Pengurusan Bil.4/2023. **Makluman**
1.2	**Pemakluman Cuti YS Pengarah** YS Tuan Pengerusi memaklumkan akan bercuti menunaikan ibadah Umrah bermula pada 4 Disember 2023 hingga 18 Disember 2023 dan meminta semua LNPT dan GCR disegerakan selewat-lewatnya pada 1 Disember 2023. **Makluman**
2	**Perutusan Pengerusi**
2.1	**Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT)** YS Tuan Pengerusi meminta supaya dibuat penetapan semula supaya pada tahun 2024 Pegawai Penilai Pertama (PPP) adalah Timbalan Pengarah dan Pegawai Penilai Kedua (PPK) adalah Pengarah bagi Ketua Balai, Ketua Zon dan Ketua Bahagian. **Tindakan: PP Bhg. Pengurusan**
2.2	**Perasmian Bomba Komuniti PR1MA Meru** YS Tuan Pengerusi memaklumkan pada 2 Disember 2023 (Sabtu) akan diadakan pelancaran Bomba Komuniti PR1MA Meru yang akan dirasmikan oleh YB Menteri KPKT dan turut dihadiri oleh YB Menteri Pengangkutan. **Makluman** YS Tuan Pengerusi meminta PP Bahagian Keselamatan Kebakaran untuk menyelaraskan program tersebut walaupun urus setia di bawah PRIMA dan KPKT sendiri dan diminta semua PP Bahagian untuk hadir bersama. **Tindakan : PP Bhg. Keselamatan Kebakaran**
2.3	**Pembaikan Fasiliti Balai dan Kuarters** YS Tuan Pengerusi memaklumkan peruntukan fasiliti balai dan kuarters akan disalurkan bagi Tahun 2024 dan meminta Ketua Zon memaklumkan kepada balai-balai bagi merancang pembaikan di balai-balai. Peruntukan tersebut juga disalurkan bagi penyelenggaraan peralatan operasi di balai-balai. **Tindakan : PP Bhg. Operasi / Peg. Pembangunan** Ketua Zon perlu menyemak keperluan pembaikan yang betul-betul perlu sahaja dilakukan di balai-balai bagi tahun 2024. **Tindakan : Ketua Zon**

2.4	**Peruntukan Pembaikan di bawah Bahagian Keselamatan Kebakaran** Ahli Mesyuarat dimaklumkan peruntukan berjumlah RM160,000.00 juga disalurkan bagi pembaikan di BKK, Ibu Pejabat JBPM Negeri dan RM50,000.00 bagi setiap zon untuk pembaikan di pejabat dan pusat E-FIES zon. **Tindakan : PP Bhg. Keselamatan Kebakaran / Ketua Zon** YS Tuan Pengerusi meminta setiap peruntukan yang disalurkan ke bahagian-bahagian untuk pembangunan perlu diselaraskan melalui Pegawai Pembangunan Negeri. **Tindakan : Peg. Pembangunan**
2.5	**Panggilan Kes Kebakaran Rumah Berulang - BBP Lenggong Pada 27 November 2023** YS Tuan Pengerusi meminta supaya diadakan siasatan kejadian tersebut dan surat tunjuk sebab perlu dikeluarkan kepada ketua balai dan semua anggota yang terlibat sekiranya didapati adanya sebarang kecuaian berhubung hal tersebut. **Tindakan : PP Bhg. Operasi** Ekoran daripada itu, YS Tuan Pengerusi meminta semua PP Bahagian dan Ketua Zon membuat lawatan dan pantauan ke balai-balai sekurang-kurangnya satu balai setiap bulan supaya hal-hal yang sedemikian tidak berulang. **Tindakan : Semua PP Bhg. / Ketua Zon**
2.6	**Mesyuarat Ketua-Ketua Balai** YS Tuan Pengerusi memaklumkan Mesyuarat Ketua-Ketua Balai yang dijadualkan pada 18 hingga 20 Disember 2023 ditangguhkan ke awal Januari 2024 pada minggu pertama di Gopeng, Perak. **Makluman**
2.7	**Perbarisan Tahunan 2024** YS Tuan Pengerusi meminta supaya Perbarisan Tahunan 2024 diadakan sejurus selepas Perbarisan Tahunan peringkat JBPM diadakan. **Tindakan : Peg. Perhubungan Awam**
2.8	**Kebajikan Pegawai di Bawah Jagaan** YS Tuan Pengerusi meminta semua PP Bahagian dan Ketua Zon memaklumkan jika terdapat pegawai di bawah jagaan yang sakit supaya pengurusan tertinggi boleh meluangkan masa untuk hadir bagi menziarahi pegawai tersebut. **Tindakan : Semua PP Bhg. / Ketua Zon** Jawatankuasa Kebajikan dan Surau perlu dihidupkan kembali dalam aspek kebajikan dan keagamaan serta sumbangan-sumbangan yang perlu. **Tindakan : Tim. Pengarah**

2.9	**Keunikan / *Champion* Kemahiran Khas Bagi Setiap Zon** YS Tuan Pengerusi meminta supaya diwujudkan suatu keunikan / *champion* kemahiran khas bagi setiap zon mengikut risiko-risiko kawasan balai seperti RTA, PPDA dan lain-lain. **Tindakan : Ketua Zon** YS Tuan Pengerusi mencadangkan supaya diwujudkan Pasukan *MOCSAR* dan *Swift Water Rescue Team di JBPM* Negeri Perak pada tahun 2024. **Tindakan : PP Bhg. Operasi** Tuan Pengerusi meminta supaya diadakan perancangan RKT bagi tahun 2024 untuk permohonan kelulusan di bawah AP168 untuk kursus-kursus RTA dan EV. **Tindakan : PP Bhg. Latihan**
2.10	**Pasukan KIK dan Inovasi** YS Tuan Pengerusi meminta supaya dirangka suatu program khas bagi menyelaraskan pasukan KIK dan Inovasi di setiap balai dan menyemak semula projek-projek pasukan pada tahun 2023. **Tindakan : PP Bhg. Latihan**
2.11	**Penggunaan Media Sosial - *Facebook* dan Web Rasmi** YS Tuan Pengerusi meminta Pegawai Perhubungan Awam dan Pegawai ICT sentiasa mengemaskini *facebook* rasmi JBPM Negeri Perak dengan mewar-warkan setiap program dan aktiviti yang diadakan termasuk laman Web Rasmi JBPM Negeri Perak. **Tindakan : Peg. Perhubungan Awam & Peg. ICT**
2.12	**DMAX 2024** YS Tuan Pengerusi memaklumkan DMAX pada tahun 2023 (Ex-Teluk Intan) telah selesai dilaksanakan dan meminta bagi Tahun 2024 diadakan di Zon 3 (Ex-Lumut 2024). **Tindakan : PP Bhg. Operasi / Ketua Zon 3**
2.13	**Pegawai KOR Siasatan Integriti (KSI) - Seranta Integriti & Marshal Integriti/Pegawi Disiplin** Ahli Mesyuarat dimaklumkan bahawa PP Bahagian Latihan sebagai Pegawai Seranta Integriti dan terdapat enam (6) orang Marshal Integriti/Pegawai Disiplin di JBPM Negeri Perak iaitu: 1. PgKB I Ramli bin Saari - PP Bhg. Penyiasatan Kebakaran 2. PgB Umrani bin Che Mat - Bhg. Operasi Kebombaan 3. PgB Rosli bin Zakaria - Zon 1 Perak 4. PKPgB Hasna bin Rashid - Zon 2 Perak 5. PgB Farriz Izzuan bin Fadzillah - Zon 3 Perak 6. PgB Nur Ariff bin Zainudin - Zon 4 Perak menetapkan

	YS Tuan Pengerusi meminta PP Bahagian Pengurusan menyemak semula pelantikan di atas dengan Unit Integriti Ibu Pejabat, JBPM memandangkan tiada surat pemakluman rasmi yang diterima. **Tindakan : PP Bhg. Pengurusan**
2.14	**Pegawai Protokol dan Keselamatan JBPM Negeri Perak** Ahli Mesyuarat dimaklumkan bahawa PP Bahagian Latihan adalah pegawai yang bertanggungjawab bagi kedua-dua portfolio di atas. **Tindakan : PP Bhg. Latihan**
3	**Perkara Berbangkit**
3.1	**Mesyuarat Bil.3/2023, Para 2.1.2 - Penyelenggaraan dan Pembaikan** **3.1.1 Penggunaan Lantai Jenis *Epoxy*** YS Tuan Pengerusi meminta supaya disemak semula berkaitan penggunaan lantai jenis *epoxy* di balai-balai memandangkan terdapat banyak aduan berkaitan hal tersebut. **Tindakan : Peg. Pembangunan** **3.1.2 Ibu Pejabat, JBPM Negeri Perak** YS Tuan Pengerusi meminta supaya ditambahbaik tandas di *groudfloor* dan tandas di *cafetaria* menggunakan konsep Bersih,Menawan,Wangi (BMW), diselesaikan masalah kebocoran bumbung di Lobi Utama, Ibu Pejabat supaya tiada lagi masalah pada siling dan pembaikan jalan yang berhampiran dengan tempat pembuangan sampah dengan menggunakan konkrit pada tahun 2024. **Tindakan : Peg. Pembangunan** YS Tuan Pengerusi meminta supaya disediakan kertas kerja untuk pembaikan sistem telefon *Private Automatic Branch Exchange (PABX)* pada tahun 2024. **Tindakan : Peg. Pembangunan**
3.2	**Mesyuarat Bil.3/2023, Para 2.4 - Bekalan Tayar Kenderaan** Ahli mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat kekangan untuk bekalan tayar kenderaan utiliti kerana syarikat pembekal memohon untuk penukaran jenama tayar bagi kenderaan jenis Triton, Pajero dan lori memandangkan kilang tidak lagi mengeluarkan jenama tayar tersebut. **Tindakan: PP Bhg. Kejuruteraan**
3.3	**Mesyuarat Bil.3/2023, Para 2.7 - Lesen Memandu** YS Tuan Pengerusi meminta supaya diambil tindakan yang sewajarnya kepada pegawai PSM dan PBB yang masih tiada lesen memandu kenderaan jenis B2 dan D supaya tiada masalah yang timbul untuk sebarang tuntutan *insurance* dan sebagainya sekiranya berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini contohnya kemalangan jalan raya. **Tindakan: PP Bhg. Operasi**

3.4	**Mesyuarat Bil.3/2023, Para 3.2 - Sumbangan Bot Yapeim** YS Tuan Pengerusi meminta Timbalan Pengarah membuat permohonan tambahan *Trailer* Bot bagi Bot yang telah disumbangkan oleh Yapeim. **Tindakan : Tim. Pengarah**
3.5	**Mesyuarat Bil.3/2023, Para 3.3 - Program MKAA** YS Tuan Pengerusi meminta supaya diadakan satu mesyuarat bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Tourism Perak dan juga Majlis Daerah (MD) bagi membincangkan kerjasama tentang kempen keselamatan dan program MKAA melibatkan pengusaha Hotel, *Home Stay* dan Inap Desa bagi program tersebut memandangkan 2024 adalah Tahun Melawat Perak. **Tindakan : PP Bhg. Keselamatan Kebakaran**
3.6	**Mesyuarat Bil.3/2023, Para 3.5 – Pertandingan Kecantikan Kuarters Balai** YS Tuan Pengerusi meminta supaya dikeluarkan surat kepada zon tentang penyampaian hadiah pertandingan akan diadakan pada Majlis Perbarisan Tahunan 2024. **Tindakan : Peg. Pembangunan**
3.7	**Mesyuarat Bil.3/2023, Para 3.6 - Majlis Kepada Bakal Pesara** YS Tuan Pengerusi meminta PP Bhg. Pengurusan menganjurkan majlis kepada pesara tahun 2023 dan bakal pesara 2024 pada Januari 2024. **Tindakan : PP Bhg. Pengurusan**
3.8	**Mesyuarat Bil.3/2023, Para 3.8 - *Fire Post* Tasek Banding** YS Tuan Pengerusi meminta supaya dicadangkan solusi untuk menghalang daripada gajah liar merosakkan infrastruktur yang ada di *Fire Post* tersebut. **Tindakan : Ketua Zon 2**
4	**HAL-HAL LAIN**
4.1	**Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat**
	4.1.1 Cuti Ketua Balai PP Bahagian Operasi meminta Ketua Zon membuat semakan dan penyusunan bagi cuti-cuti ketua balai bagi penghujung tahun cuti sekolah. **Tindakan : Ketua Zon** **4.1.2 Penyalahgunaan Dadah dan Bahan Terlarang** PP Bahagian Operasi meminta Ketua Zon membuat pemantauan bagi balai-balai yang mempunyai PBB agar pemantauan dan laporan dilaksanakan sekiranya terdapat PBB yang terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan dadah atau bahan terlarang. **Tindakan : Ketua Zon**

4.2	**Bahagian Keselamatan Kebakaran**
	4.2.1 Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 - Pindaan 2021 YS Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa beliau akan membuat semakan dengan Ibu Pejabat, JBPM tentang status pelaksanaan UuKBS 1984 (Pindaan 2021) di peringkat negeri memandangkan masih tiada keputusan yang tepat berkaitan perkara tersebut. **Makluman** **4.2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Pelan (JKP)** YS Tuan Pengerusi meminta supaya dibuat surat wakil kuasa yang ditandatangani oleh beliau kepada Timbalan Pengarah atau PP Bahagian Keselamatan Kebakaran untuk mempengerusikan mesyuarat tersebut. **Tindakan : PP Bhg. Keselamatan Kebakaran** **4.2.3 Mesyuarat Kajian Semula Pepasangan Keselamatan Kebakaran** Ahli Mesyuarat dimaklumkan terdapat PTKP yang baru untuk mesyuarat tersebut di mana mesyuarat perlu dilaksanakan dalam tempoh 14 hari selepas tarikh penerimaan atau setelah lima (5) permohonan diterima. **Tindakan : PP Bhg. Keselamatan Kebakaran** **4.2.4 Penerima Bagi Notis Yang Dikeluarkan Kepada Sekolah / Jabatan Kerajaan** Ahli Mesyuarat dimaklumkan penerima bagi notis tersebut boleh diselaraskan dan ditujukan kepada pengurusan tertinggi sekolah / jabatan di peringkat negeri iaitu Pengarah. **Tindakan : Semua** **4.2.5 Anugerah Pengurusan Keselamatan Kebakaran Nasional (APKKNa)** Ahli Mesyuarat dimaklumkan terdapat dua (2) kategori yang dimenangi Negeri Perak iaitu kategori ERT Terbaik (TNB JanaManjung) dan Kategori Pusat Beli-Belah Terbaik (AEON Klebang) di mana majlis penyampaian anugerah akan dilangsungkan pada 4 Disember 2023 bertempat di PICC, Putrajaya yang disempurnakan oleh YB Menteri KPKT. **Makluman**
4.3	**Bahagian Penyiasatan Kebakaran**
	4.3.1 Kenderaan Maxus Baru YS Tuan Pengerusi meminta supaya disemak semula surat rasmi penerimaan kenderaan tersebut. **Tindakan : PP Bhg. Penyiasatan Kebakaran**
4.4	**Bahagian Latihan**
	4.4.1 Kebocoran Bumbung Bangunan BBP Meru Raya PP Bahagian Latihan memaklumkan terdapat kebocoran pada Bumbung BBP Meru Raya (Bhg Latihan). YS Tuan Pengerusi meminta untuk dimasukkan dalam pembaikan pada tahun 2024. **Tindakan : Ketua Zon 1 / Peg. Pembangunan**

	4.4.2 Naik Taraf Sistem Internet YS Tuan Pengerusi meminta supaya dibuat semakan dan menaiktaraf sistem internet di Bahagian Latihan. **Tindakan : Pegawai ICT**
4.5	**Bahagian Pengurusan**
	4.5.1 SKU dan LNPT Ahli Mesyuarat dimaklumkan masih terdapat beberapa Pegawai Kanan, termasuk PP Bahagian dan Ketua Zon yang masih blum menghantar SKU dan LNPT untuk disahkan. **Tindakan : Semua** **4.5.2 HRMIS** Ahli Mesyuarat dimaklumkan tarikh akhir permohonan,sokongan dan kelulusan cuti rehat adalah pada 30 November 2023. **Tindakan : Semua** **4.5.3 Sewaan Kedai Makan di BBP Ipoh** Ahli Mesyuarat dimaklumkan hasil teguran Audit Negara mengenai sewaan kedai makan di BBP Ipoh perlu dimasukkan ke dalam hasil kerajaan bukan persatuan termasuk Dewan Serbaguna. **Makluman** YS Tuan Pengarah meminta PP Bahagian Pengurusan menyemak semula kerana pembinaan gerai makan tersebut di bawah peruntukan persatuan (PERSKEB). **Tindakan : PP Bhg. Pengurusan** **4.5.4 Pelantikan Pegawai Pengurusan Risiko Rasuah (CRM)** YS Tuan Pengerusi meminta supaya PP Bahagian Pengurusan dilantik sebagai pegawai CRM. **Tindakan : PP Bhg. Pengurusan** **4.5.5 Pelupusan Aset** YS Tuan Pengerusi meminta setiap pelupusan perlu dicadangkan terus kaedah pelupusan contohnya sumbangan kepada PBS jika kenderaan tersebut masih boleh diperbaiki dan digunakan. **Tindakan : Semua**
4.6	**Bahagian Kejuruteraan Jentera**
	4.6.1 Kursus Lesen Kenderaan E-Bersendi PP Bahagian Kejuruteraan memohon untuk diadakan Kursus Latihan Pemanduan Lesen E- Bersendi kerana pegawai di kejuruteraan masih ada yang belum mempunyai kenderaan E- Bersendi. **Tindakan : PP Bhg. Latihan**

4.7	**Zon 1 Perak**
	4.7.1 Lawatan Kebajikan YS Tuan Pengerusi meminta Ketua Zon membuat lawatan kebajikan menziarah pegawai di BBP Kuala Kangsar (En.Aziz & PB Hanif) yang sakit dan memberikan beberapa peruntukan yang boleh dituntut melalui PERSKEB. **Tindakan : Ketua Zon 1**
4.8	**Zon 2 Perak**
	4.8.1 Pembaikan Peralatan Di Bawah Majlis Daerah Tempatan Ahli Mesyuarat dimaklumkan permohonan pembaikan untuk BBP Taiping (Lori) dan BBP Kamunting (Pajero dan Bot) yang khas digunakan dalam tempoh MTL telah diangkat kepada Majlis Daerah Larut Matang dan Selama melalui Pengurusan Bencana Peringkat Daerah. **Makluman**
4.9	**Zon 3 Perak**
	4.9.1 Kerosakan *Tanker* BBP Sitiawan dan BBP Seri Manjung PP Bahagian Kejuruteraan memaklumkan bahawa pembaikan *tanker* di Zon 3 akan diberi keutamaan untuk pembaikan pada tahun 2024. **Tindakan: PP Bhg. Kejuruteraan**
4.10	**Pegawai Kewangan**
	4.10.1 Bayaran Kewangan Ahli Mesyuarat dimaklumkan tarikh akhir bayaran bagi kewangan negeri adalah pada 1 Disember 2023 melibatkan Claim TNT dan semua bayaran yang lain. **Tindakan: Semua**
4.11	**Pegawai Pembangunan**
	4.11.1 Semakan Kerja Pegawai Pembangunan meminta semua projek-projek pembangunan dibuat pemantauan bersama oleh Ketua Zon dan Ketua Balai dalam aspek kerja-kerja pembangunan. **Tindakan: Semua**

5. PENANGGUHAN MESYUARAT

YS Tuan Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih di atas kehadiran semua ahli mesyuarat serta mengharapkan kepada semua dapat bekerjasama menyelesaikan sebarang masalah bagi menaikkan imej JBPM Negeri Perak. Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.30 tengahari.

Minit Mesyuarat Disediakan Oleh:

Urus Setia, Mesyuarat Pengurusan

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak **Tarikh** : 04 Disember 2023